ANIZA HUSSIN
lwn.
NETRISE NIAGA (M) SDN BHD

Mahkamah Perusahaan, Kuala Lumpur
Wan Jeffry Kassim
Award No: 832 Tahun 2026 [Kes No: 1/1-1003/25]
25 Mei 2026

Kes-kes yang dirujuk:
Aniza Hussin v. Netrise Niaga (M) Sdn Bhd [2023] MELRU 1466 (dirujuk)
Chan Lai Peng v. Devotek Sdn Bhd [2006] 3 MELR 121; [2006] 4 ILR 2619 (dirujuk)
Dragon & Phoenix Bhd v. Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Membuat Tekstil & Pakaian Pulau Pinang & Anor [1990] 1 MLRA 509; [1991] 1 MLJ 89; [1991] 1 CLJ (Rep) 109; [1990] 2 ILR 515 (dirujuk)
HKT (Malaysia) Sdn Bhd v. Timber Employees Union Peninsular Malaysia [2003] 4 MELR 683; [2003] 3 ILR 1318 (dirujuk)
Holiday Inn Kuala Lumpur v. National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers [1987] 1 MLRA 250; [1988] 1 MLJ 306; [1988] 1 CLJ (Rep) 116 (dirujuk)
Johnny Lee Yuen Kun lwn. Xtend Services Sdn Bhd [2021] MELRU 1057; [2021] 2 ILR 527 (dirujuk)
Leong Poh Shee v. Ng Kat Chong [1965] 1 MLRH 542; [1966] 1 MLJ 86 (dirujuk)

Perundangan yang dirujuk:
Industrial Court Rules 1967, r 24A
Industrial Relations Act 1967, ss 30(5), 56(1), (2)(c)

Kaunsel:
Bagi pihak pengadu: Kohila Yanasekaran; Tetuan Kohi & Associates
Bagi pihak syarikat: Idris Md Isa; Tetuan Idris & Partners

[Membenarkan permohonan.]

Case Progression:
Industrial Court: [2023] MELRU 1466

AWARD

Wan Jeffry Kassim

[1] Ini adalah permohonan bagi mendapatkan suatu Perintah Ketidakpatuhan Award di bawah s 56(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ("APP 1967"), difailkan melalui Borang S pada 19 Jun 2025 selaras dengan Kaedah 24A Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan 1967, berkenaan dengan *Aniza Hussin v. Netrise Niaga (M) Sdn Bhd* [2023] MELRU 1466 Award No: 1466 Tahun 2023 ("Award") yang diperturunkan pada 3 Julai 2023 antara Aniza

binti Hussin ("Pengadu") dengan Netrise Niaga (M) Sdn Bhd ("Syarikat Responden").

[2] Satu aduan telah difailkan oleh Pengadu berkenaan dengan Award tersebut di mana Syarikat Responden telah gagal membayar kepada Pengadu Award berjumlah Ringgit Malaysia Enam Puluh Tiga Ribu Enam Ratus (RM63,600.00) sahaja setelah ditolak potongan statutori (jika ada) dalam tempoh 30 hari dari tarikh Award tersebut.

[3] Pengadu memaklumkan kepada Mahkamah bahawa tiada apa-apa pembayaran jumlah Award tersebut telah dibuat oleh Syarikat Responden sehingga kini. Sehubungan itu, Pengadu memohon agar Syarikat Responden mematuhi Award tersebut dengan dikenakan Perintah Komital kerana keingkaran terhadap Award tersebut.

[4] Mahkamah telah meneliti, merujuk dan mempertimbangkan kertas-kertas kausa dan dokumen-dokumen berikut semasa menurunkan Award Ketidakpatuhan ini:

(a) Pernyataan Tuntutan Kes Pengadu bertarikh 13 Ogos 2025;

(b) Pernyataan Jawapan Syarikat Responden bertarikh 12 September 2025;

(c) Rejoinder Pengadu bertarikh 2 Oktober 2025;

(d) Ikatan Dokumen Pengadu;

(e) Ikatan Otoriti Pengadu (A1); dan

(f) Ikatan Dokumen Syarikat Responden.

[5] Pengadu telah menfailkan hujahan bertulisnya pada 3 Disember 2025 (Kandungan A) dan 23 Disember 2025 (Kandungan C). Sementara itu, Syarikat Responden telah menfailkan hujahan bertulisnya pada 12 Disember 2025 (Kandungan B) dan 29 Disember 2025 (Kandungan D).

Hujahan Pengadu

[6] Pengadu dalam hujahan bertulisnya telah menyatakan bahawa Award yang diperolehi oleh Pengadu pada 3 Julai 2023 tersebut masih tidak dipatuhi oleh Syarikat Responden sehingga kini.

[7] Pengadu selanjutnya menghujah bahawa rayuan yang dibuat oleh Syarikat Responden telahpun ditolak oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan dengan dikenakan kos oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Walaupun semua opsyen rayuan telahpun selesai, Syarikat Responden masih gagal mematuhi Award tersebut walaupun beberapa surat tuntutan dan peringatan telah dikemukakan kepada Syarikat Responden. Bagi menyokong tuntutan Pengadu, rujukan telah dibuat kepada kes *Holiday Inn Kuala Lumpur*

v. National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers [1987] 1 MLRA 250; [1988] 1 MLJ 306; [1988] 1 CLJ (Rep) 116 dimana diputuskan oleh mahkamah bahawa pengadu perlu membuktikan bahawa syarikat responden tidak mematuhi award Mahkamah Perusahaan tersebut bagi membolehkan pengadu mendapat perintah ketidakpatuhan award tersebut di bawah s 56(1) APP 1967.

[8] Dalam kes ini, ketidakpatuhan oleh Syarikat Responden jelas dibuktikan dengan pengakuan Syarikat Responden sendiri bahawa mereka tidak membayar jumlah Award tersebut atas alasan tidak mampu kerana Syarikat Responden tiada pendapatan yang mencukupi.

[9] Selanjutnya, Pengadu juga menghujah bahawa alasan Syarikat Responden bahawa mereka tidak mampu membayar jumlah Award tersebut tidak boleh diterima oleh Mahkamah yang Mulia ini memandangkan Syarikat Responden masih lagi beroperasi dan mempunyai pendapatan. Malah, Syarikat Responden masih lagi beroperasi dan mempunyai pekerja serta mempunyai kontrak dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Masalah kewangan oleh Syarikat Responden dan alasan-alasan bahawa Syarikat Responden akan digulung setelah tamat kontrak dengan Kementerian Pendidikan Malaysia adalah masalah dalaman Syarikat Responden dan tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk tidak membayar jumlah Award berkenaan kepada Pengadu.

[10] Alasan Perintah Kawalan Pergerakan, penutupan sekolah dan ganguan operasi Syarikat Responden adalah isu yang telah diteliti oleh Mahkamah Perusahaan sebelum ini dan diputuskan dalam perintah Award tersebut dan seterusnya disahkan oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Oleh itu, isu berkenaan tidak lagi relevan bagi menghalang Pengadu mendapat perintah ketidakpatuhan Award ini.

[11] Berdasarkan hujahan di atas dan kes yang dirujuk, Pengadu memohon satu perintah ketidakpatuhan diberikan kepada Pengadu terhadap Syarikat Responden atas kegagalan mematuhi perenggan 41 Award tersebut.

Hujahan Syarikat Responden

[12] Syarikat Responden menghujah bahawa mereka merupakan salah satu daripada syarikat bersekutu TS Group Holding Sdn Bhd ("TSG"). Sebagai salah satu syarikat sekutu TSG, Syarikat Responden perlu menyumbang kepada kumpulan wang disatukan (consolidated fund) kumpulan TSG pada setiap bulan.

[13] Disebabkan oleh perintah kawalan pergerakan, Syarikat Responden tidak lagi mampu untuk menyumbang kepada kumpulan wang disatukan tersebut kerana tidak mempunyai sebarang kontrak kerajaan yang boleh dilaksanakan. Oleh yang demikian, sumber kewangan Syarikat Responden telah terhenti. Sebaliknya anak-anak syarikat TSG yang lain sebenarnya telah menanggung sebahagian besar komitmen Syarikat Responden.

[14] Walaupun Syarikat Responden telah mendapat kontrak pembekalan makanan bermasak di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025, Syarikat Responden menyatakan bahawa mereka terpaksa sub kan kontrak tersebut kepada pihak ketiga kerana pelaksanaannya di kawasan Utara Semenanjung Malaysia dan hanya mendapat bayaran komisyen bulanan sebanyak RM6,000.00 ke RM7,000.00 secara purata sebulan iaitu merupakan 10% daripada bayaran bulanan yang diterima daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

[15] Berdasarkan penyata kewangan Syarikat Responden yang difailkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tahun 2022 dan 2023 telah menunjukkan kerugian. Sehubungan itu, Syarikat Responden seterusnya menghujah bahawa Syarikat Responden tidak lagi mempunyai keupayaan kewangan yang mencukupi untuk menjelaskan jumlah Award tersebut. Segala hasil pendapatan Syarikat Responden hanya digunakan untuk menampung perbelanjaan operasi yang asas sahaja dan tidak mempunyai lebihan kewangan untuk memenuhi tuntutan Pengadu.

Kedudukan kewangan Syarikat Responden telah mengalami deficit sejak bermulanya pandemik Covid-19 sejak tahun 2021/2022 lagi (rujuk Ikatan Dokumen Syarikat Responden di ms 145).

[16] Selepas tamat kontrak pada akhir tahun 2025, Syarikat Responden akan menjadi dormant dan tidak berpendapatan. Maka, Pengadu boleh memohon untuk menggulung Syarikat Responden dan memfailkan bukti hutang dengan Jabatan Insolvensi Malaysia.

Isu-Isu Untuk Pertimbangan Mahkamah

[17] Terdapat dua (2) isu utama yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah ini dalam bagi prosiding ini, iaitu:

(a) Sama ada terdapat ketidakpatuhan oleh Syarikat Responden terhadap Award tersebut? dan

(b) Sama ada terdapat suatu keadaan-keadaan khas (special circumstances) sebagaimana diperuntukkan dalam s 56(2)(c) APP 1967 yang membolekan Mahkamah ini meminda atau mengetepikan mana-mana syarat dalam Award tersebut?

Prinsip Undang-Undang Aduan Ketidakpatuhan Award

[18] Kuasa Mahkamah Perusahaan untuk mendengar serta memutuskan aduan yang berkaitan dengan ketidakpatuhan terhadap sesuatu award telah diperuntukkan di bawah s 56 (1) dan (2) APP 1967, seperti yang berikut:

"Non-compliance with award or collective agreement

56. (1) Any complaint that any term of any award or of any collective

agreement which has been taken cognizance of by the Court has not been

complied with may be lodged with the Court in writing by any trade union or person bound by such award or agreement.

(2) The Court may, upon receipt of the complaint-

(a) make an order directing any party-

(i) to comply with any term of the award or collective agreement; or

(ii) to cease or desist from doing any act in contravention of any term of the award or collective agreement;

(b) make such order as it deems fit to make proper rectification or restitution for any contravention of any term of such award or collective agreement; or

(c) make such order as it considers desirable to vary or set aside upon special circumstances any term of the award or collective agreement."

[19] Adalah merupakan suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa bagi sesuatu permohonan perintah Aduan Ketidakpatuhan Award di bawah s 56 APP 1967, beban pembuktian adalah terletak ke atas pihak Pengadu untuk membuktikan dengan memuaskan bahawa Syarikat Responden telah gagal mematuhi Award tersebut sebelum Mahkamah ini boleh menggunakan kuasa di bawah Seksyen 56(2) APP 1967. Sebagai panduan, Mahkamah ini telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Holiday Inn, Kuala Lumpur v. National Union of Hotel, Bar and Restaurant Workers* [1987] 1 MELR 15; [1988] 1 MLJ 306; [1988] 1 CLJ (Rep) 116 mengenai pemakaian s 56 APP 1967 seperti berikut:

"Now, s 56 is concerned with the enforcement in a summary manner of an award made by the Industrial Court or of a collective agreement which has been taken cognizance of by the Court under s 17 after a complaint has been lodged as to its non-compliance. The non-compliance of a term of the award or Collective Agreement must exist as an antecedent fact before the Industrial Court can exercise its power contained in sub-section (2) thereof. It is therefore, a condition precedent to the exercise of that powers that there should be in existence a breach or non-observance of a term of the award or Collective Agreement. There must be satisfactorily established by the complainant."

[penekanan kepada perkataan-perkataan yang digariskan]

[20] Seterusnya, Mahkamah Agung dalam kes *Dragon & Phoenix Bhd v.*

Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Membuat Tekstil & Pakaian Pulau Pinang & Anor [1990] 1 MLRA 509; [1991] 1 MLJ 89; [1991] 1 CLJ (Rep) 109; [1990] 2 ILR 515, telah memutuskan bahawa fungsi Mahkamah Perusahaan dalam mengendalikan prosiding aduan ketidakpatuhan adalah seperti berikut:

> "In a complaint of non-compliance with any term of a collective agreement or award under s 56 of the Industrial Relation Act, the Industrial Court should as a general rule, look at the terms of the contract by confining itself to the four walls of the collective agreement or award and decide whether the term has or has not been complied with. It is purely enforcement function."
>
> [penekanan kepada perkataan-perkataan yang digariskan]

Analisis dan Dapatan Mahkamah

[21] Mengenai isu sama ada terdapat ketidakpatuhan oleh Syarikat Responden terhadap Award tersebut, Mahkamah ini berpuas hati bahawa Syarikat Responden telah gagal mematuhi Award tersebut memandangkan jumlah yang diperintahkan di bawah Award tersebut tidak pernah dijelaskan oleh Syarikat Responden sejak Award diperturunkan pada 3 Julai 2023. Fakta ketidakpatuhan ini juga tidak dinafikan oleh Syarikat Responden.

[22] Mengenai isu sama ada terdapat suatu keadaan-keadaan khas (special circumstances) sebagaimana diperuntukkan dalam s 56(2)(c) APP 1967 yang membolehkan Mahkamah ini membuat suatu perintah sebagaimana yang difikirkan perlu sama ada dengan meminda atau mengenepikan mana-mana syarat Award tersebut, beban pembuktian adalah terletak ke atas Syarikat Responden untuk membuktikan kewujudan keadaan-keadaan khas (special circumstances) yang menyebabkan berlakunya ketidakpatuhan terhadap Award tersebut.

[23] Apakah yang dimaksudkan dengan "keadaan-keadaan khas (special circumstances)" di bawah peruntukan s 56(2)(c) APP 1967 tersebut? Penelitian terhadap peruntukan APP 1967, walau bagaimanapun tidak mengandungi tafsiran atau penerangan mengenai apa yang dimaksudkan dengan terma "keadaan-keadaan khas (special circumstances)" berkenaan. Adakah kedudukan kewangan atau masalah kewangan itu sendiri boleh dianggap atau dikategorikan sebagai suatu "keadaan-keadaan khas (special circumstances)" yang membolehkan Mahkamah ini meminda atau mengenepikan ketidakpatuhan terhadap Award tersebut?

[24] Sebagai panduan, Mahkamah ini telah merujuk kepada kes *Leong Poh Shee v. Ng Kat Chong* [1965] 1 MLRH 542; [1966] 1 MLJ 86, Raja Azlan Shah J (Baginda pada ketika itu) menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan "keadaan-keadaan khas (special circumstances)" seperti yang berikut:

> "Special circumstances, as the phrase implies, must be special under the circumstances as distinguished from ordinary circumstances. **It must be something exceptional in character, something that exceeds or**

excels in some way than which is usual or common."

[Penekanan kepada perkataan-perkataan yang digariskan]

[25] Bagi menjawap persoalan sama ada kedudukan kewangan atau masalah kewangan itu sendiri boleh dianggap atau dikategorikan sebagai suatu "keadaan-keadaan khas (special circumstances)", rujukan juga telah dibuat kepada kes *Chan Lai Peng v. Devotek Sdn Bhd* [2006] 3 MELR 121; [2006] 4 ILR 2619, di mana Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang bijaksana di ms 2629 telah memutuskan seperti yang berikut:

"[32] In the case before this court, the company was allowed to tender evidence to establish the cause of the financial incapacity but there was no evidence tendered as to what caused the company to be in the situation that it was now in.

[33] It was held time and again that **financial incapacity in itself is not a special circumstance under s 56(2)(c) of the Act to vary or set aside provisions of the Industrial Court.**"

[Penekanan kepada perkataan-perkataan yang digariskan]

[26] Begitu juga dalam kes *HKT (Malaysia) Sdn Bhd v. Timber Employees Union Peninsular Malaysia* [2003] 4 MELR 683; [2003] 3 ILR 1318 di ms 1319 hingga 1320 yang mana mahkamah telah memutuskan seperti yang berikut:

"The burden is on the company to prove its special circumstances. It relies on its financial incapacity. A company's witness gave oral evidence and tendered documentary evidence (Bundle Co 1, Co 2 & Co 3). Its income and statement for the year ended 31 December 2001 showed the company making a loss of RM10.8 million. This is basically due to costs of sales being higher than revenue, when the costs of sales were RM44 million and revenue was RM35 million. The company also produced letters from its bankers rejecting its application for banking facilities. It is also the evidence of the witness that the company was part of a group that manufactures timber products in Malaysia, Thailand and China and markets the products to the United States and Europe.

The law relating to special circumstances under s 56(1) of the Act was quite clear until the decision of the High Court in *Prestige Ceramics Sdn Bhd v. Kesatuan Pekerja Pembuatan Barangan Bukan Logam & Anor* [2000] 3 MELR 74; [2001] 5 MLJ 289; [2001] 5 CLJ 354. Before this case the Supreme Court affirmed the decision on the Industrial Court in *Hyatt Kuantan Hotel Kuantan v. National Union Of Hotel Bar And Restaurant Worker* [1987] 3 MELR 332; [1987] 1 ILR 557 that financial incapacity *per se* is not special circumstances under s 56(1) of the Act.This decision has been followed in subsequent cases. However, in the *Prestige Ceramics case (supra)* the High Court came out with a decision which suggested that the court ought to look at the

causes of the company's financial distress. **The learned judge with respect did not consider the Supreme Court decision in the *Hyatt Kuantan* case *(supra)* and other cases on financial incapacity.**"

[Penekanan kepada perkataan-perkataan yang digariskan]

[27] Di dalam kes *Johnny Lee Yuen Kun lwn. Xtend Services Sdn Bhd* [2021] MELRU 1057; [2021] 2 ILR 527, Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang bijaksana juga telah diminta menentukan isu yang sama iaitu sama ada masalah kewangan merupakan keadaan-keadaan khas. Mahkamah Perusahaan dalam kes ini telah memutuskan seperti berikut:

"**Kedudukan kewangan syarikat responden tidak sepatutnya diambil kira dan dijadikan alasan dalam kes-kes aduan ketidakpatuhan award, sepertimana di sini.** Sepertimana yang diputuskan dalam kes *HKT (Malaysia) Sdn Bhd (supra)*, **kedudukan kewangan atau masalah kewangan yang dialami oleh syarikat bukan merupakan satu keadaan khas yang membolehkan Mahkamah mengubah Award tersebut** atau melanjutkan masa untuk membolehkan syarikat responden mematuhi Award tersebut."

[Penekanan kepada perkataan-perkataan yang digariskan]

[28] Berdasarkan kepada keputusan authoriti-authoriti di atas, Mahkamah ini juga berpandangan kedudukan kewangan atau masalah kewangan yang dialami oleh Syarikat Responden bukan merupakan suatu keadaan-keadaan khas (special circumstances) di bawah peruntukan s 56(2)(c) APP 1967 yang membolehkan Mahkamah ini membuat apa-apa pindaan atau mengenepikan apa-apa terma Award tersebut.

Sebaliknya, adalah menjadi tanggungjawab Syarikat Responden untuk mencari jalan dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan jumlah Award tersebut diselesaikan.

Kedudukan kewangan yang kurang baik atau masalah kewangan sesuatu syarikat merupakan perkara yang biasa dalam suatu perniagaan dan tidak seharusnya dijadikan alasan untuk melepaskan diri daripada tanggungjawabnya menjelaskan jumlah Award tersebut. Mahkamah ini juga mendapati tiada bukti atau usaha yang jelas dan bersunguh-sungguh ditunjukkan oleh Syarikat Responden untuk cuba menyelesaikan jumlah Award berkenaan. Tiada juga tawaran yang dibuat oleh Syarikat Responden untuk membayar secara ansuran jumlah Award tersebut.

[29] Mahkamah ini juga mendapati bukti keterangan dokumen yang dikemukakan oleh Syarikat Responden dalam Ikatan Dokumen Syarikat Responden juga tidak lengkap dan mencukupi untuk menggambarkan keadaan sebenar kedudukan terkini kewangan Syarikat Responden. Syarikat Responden hanya mengemukakan Penyata Kewangan (Financial Statements) daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi tahun 2021 hingga 2024 sahaja (rujuk Ikatan Dokumen Syarikat Responden di ms 133 dan 215) dan penyata

akaun Affin Islamic bank Syarikat Responden dari 31 Januari 2024 hingga dan 30 September 2025 sahaja (rujuk Ikatan Dokumen Syarikat Responden di ms 81 dan 111).

Tiada salinan Penyata Kewangan (Financial Statements) bagi tahun 2025 dan penyata akaun bank Syarikat Responden bagi bulan Oktober 2025 hingga terkini dikemukakan kepada Mahkamah bagi menunjukkan aliran keluar masuk kewangan Syarikat Responden bagi tempoh terkini untuk menggambarkan kedudukan sebenar kewangan terkini Syarikat Responden bagi menyokong kenyataan kedudukan Syarikat Responden tersebut.

Sementara alasan pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan yang digunakan oleh Syarikat Responden sebagai antara penyebab kepada masalah kewangan Syarikat Responden tidak lagi relevan dan boleh diterima oleh Mahkamah ini kerana pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan tersebut telahpun lama berlalu.

Keputusan Mahkamah

[30] Setelah mempertimbangkan fakta kes ini melalui Kenyataan Kes dan Rejoinder oleh Pengadu, Pernyataan Jawapan oleh Syarikat Responden, hujahan bertulis oleh kedua-dua pihak serta mengambilkira peruntukan undang-undang serta prinsip-prinsip undang-undang berkaitan aduan ketidakpatuhan award, Mahkamah dengan ini memutuskan bahawa Pengadu telah berjaya membuktikan terdapat ketidakpatuhan ke atas Award tersebut oleh Syarikat Responden. Kedudukan kewangan atau masalah kewangan yang dialami oleh Syarikat Responden bukan merupakan keadaan-keadaan khas (special circumstances) di bawah peruntukan s 56(2)(c) APP 1967 yang membolehkan Mahkamah ini membuat apa-apa pindaan atau mengenepikan apa-apa terma Award tersebut.

[31] Sehubungan itu, selaras dengan peruntukan s 56(2)(a)(i) APP 1967, Mahkamah dengan membuat perintah mengarahkan Syarikat Responden mematuhi Award tersebut dan membayar kepada Pengadu jumlah Award sebanyak Ringgit Malaysia Enam Puluh Tiga Ribu Enam Ratus (RM63,600.00) sahaja setelah ditolak potongan statutori (jika ada) dengan kadar serta merta.

[32] Dalam mencapai keputusan ini, Mahkamah ini telah bertindak mengikut ekuiti, hati nurani dan merit kes tanpa memikirkan perkara-perkara teknikal dan berbentuk undang-undang sebagaimana diperuntukkan dalam s 30(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.